

15/08/1997

TV3 hargai sokongan PM, Menteri Penerangan

SISTEM Televisyen Malaysia Berhad (TV3) mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat kerana memberi kelulusan kepada stesen berkenaan memulakan siaran 24 jam.

Dalam kenyataan akhbar, pengarah urusan TV3, Datuk Zahari Omar menjelaskan stesen berkenaan mendapat siaran tambahan lima jam pada hari Isnin hingga Jumaat (dari 1 hingga 6 pagi) dan empat jam pada hari Sabtu dan Ahad (dari jam 2 hingga 6 pagi).

Menteri Penerangan mengumumkan kelulusan menambah siaran daripada 20 jam kepada 24 jam pada sidang akhbar di Angkasapuri, kelmarin.

Kelulusan diberikan setahun selepas stesen itu mengemukakan permohonan.

Menurut kenyataan akhbar itu lagi, TV3 akan meneruskan usahanya untuk menyediakan maklumat terkini kepada rakyat Malaysia.

Secara amnya, masa siaran tambahan itu akan memberikan manfaat kepada penonton kerana mereka boleh mengikuti perkembangan yang berlaku antara jam 1 hingga 6 pagi.

"Masa siaran tambahan ini juga akan membolehkan TV3 menghasilkan program tambahan yang pada masa ini tidak boleh dilakukan kerana waktu atau masa siaran terhad walaupun stesen ini mempunyai keupayaan untuk mengeluarkannya," katanya.

(END)